

Nelayan-nelayan pantai seperti ini hanya mendapat sisa-sisa hasil laut setelah dikaut oleh bot-bot tunda.

# UMNO Tanjung tolong persatuan penarik beca hapus orang tengah

PULAU PINANG: Kejayaan Biro Buruh Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tanjung yang diketuai oleh Encik Abdul Malik Kassim mengumpul lebih 200 orang penarik-penarik beca Melayu di kawasan Bandaraya di sini menubuhkan persatuan sendiri minggu lalu bolehlah dianggap satu kejayaan pyang meng-



ENCIK ABDULLAH

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

galakkan.

Menang tidak mudah untuk mengumpul penarik-penarik beca tersebut bagi membolehkan mereka menubuhkan persatuan penarik beca Melayu Pulau Pinang.

Antara sebab yang mungkin menghalang usaha tersebut telah kurang perhatian mereka untuk membela nasib sendiri. Satu sebab lagi mereka kebanyakannya kurang pengetahuan atau kehilangan daya usaha bagi memajukan diri mereka di tengah-tengah cabaran dan kesibukan kata. Akibatnya mereka sering menjadi mangsa orang tengah yang memerah keringat mereka. Memandang kelemahan itulah biro tersebut mencari jalan membantu penarik-penarik beca itu.

Tertubuhnya persatuan ini membuktikan betapa biro tersebut selama ini memberi perhatian kepada penarik beca.

Kejayaan itu dicapai dalam satu perjumpaan hampir 200 orang penarik-penarik beca Melayu di Wisma Persekutuan Jalan Beriham baru-baru ini.

Mesyuarat agung kali pertama itu dirasmikan oleh ahli Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang Encik Abdul Rahman Haji Abbas mewakili Timbalan Menteri Welayah Persekutuan Encik Abdullah Haji Ahmad.

Encik Abdul Malik berharap lebih ramai lagi penarik-penarik beca Melayu yang belum menjadi ahli supaya berbuat demikian demi kepentingan mereka.

Bellau berharap penarik-penarik beca itu akan dapat berdikari dan tidak lagi menjadi mangsa orang-orang tengah yang memerah tenaga mereka.

Seberapa orang penarik beca sebelum itu

menyuarakan masalah yang dihadapi oleh mereka kini.

Antara masalah tersebut ialah tidak berdaya mereka untuk memiliki sendiri beca kerana harganya terlalu mahal.

Menurut seorang penarik beca sebuah beca baru berharga hampir seribu ringgit.

"Dengan pendapatan kami yang tidak seberapa bagaimanalah kami dapat membelinya," katanya.

Bellau berkata, akibat masalah tersebut kebanyakan penarik beca Melayu menyewa beca yang dimonopoli oleh orang tengah.

Beberapa penarik beca memberitahu kebanyakan tuannya beca itu mempunyai rumah-rumah batu hasil keuntungan yang berlipatganda menyewa beca mereka kepada penarik-penarik beca Melayu.

Encik Abdul Rahman dalam ucapan merasmikan penubuhan persatuan itu memuji penarik-penarik beca itu kerana sudah mempunyai kesedaran untuk membela nasib mereka.

Kesedaran ini, tegasnya, akan dapat mengatasi masalah yang mereka hadapi selama ini.

Encik Abdul Rahman mengesyurkan mereka bergabung dengan Gabungan Keperasi Pulau Pinang, sebuah syarikat yang ditubuhkan oleh UMNO Perhubungan Negeri di sini.

Bellau berkata kerajaan negeri akan memberi pertolongan dan kerjasama bagi memajukan kegiatan mereka.

Mesyuarat agung tersebut dengan sebulat suara telah melantik Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan sebagai penaung persatuan itu.